

Headline	Buluh penyelamat hutan Malaysia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	r.iiiU'i pj2t-^ NIZAM Y.ATM	AdValue	RM 9,913
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,739



Buluh penyelamat hutan Malaysia



BUKU dalam bentuk *coffee table* ini sesuai dibaca berikutan perkembangan terkini yang menyaksikan masih ada kerajaan negeri yang terlalu bergantung kepada aktiviti pembalakan sebagai sumber pendapatan utama.

Antaranya, melibatkan sebuah kerajaan negeri yang baru-baru ini hanya menghentikan sementara aktiviti pembalakan di satu daerah setelah mendapat bantahan daripada masyarakat Orang Asli.

Sepatutnya aktiviti pembalakan dihentikan terus kerana kegiatan berkenaan membawa lebih banyak kerugian berbanding kebaikan.

Hutan yang ditebang mengambil masa beratus-ratus tahun untuk dipulihkan. Aktiviti pembalakan turut menjejaskan habitat hidupan liar dan menyebabkan banjir kilat.

Sepatutnya semua pihak berhenti menggunakan kayu balak dan beralih menggunakan sumber kayu daripada tumbuhan lain yang lebih cepat tumbuh seperti buluh.

Jika langkah itu boleh dibuat sudah pasti hutan yang cukup bernilai di negara ini tidak perlu lagi ditebang bagi mendapatkan kayu.

Dalam buku ini, didedahkan bahawa buluh amat sesuai dijadikan sebagai tumbuhan alternatif kerana dapat tumbuh dengan pantas di negara-negara Asia Tenggara.

Keadaan cuaca yang panas membolehkan buluh tumbuh dengan banyak dalam bentuk *sympodial* (rumpun) berbanding di negara beriklim sederhana yang biasanya berbentuk *monopodial* (sebatang pokok).

Buluh memang bermanfaat untuk ditanam kerana mem-

punyai keupayaan memproses 35 peratus lebih banyak karbon dioksida yang akan ditukarkan kepada oksigen berbanding tumbuhan lain.

Sejak zaman dahulu, tumbuhan itu telah digunakan untuk membuat pelbagai jenis barangan termasuk kraftangan, perabot, hiasan dalaman serta peralatan untuk aktiviti pertanian dan pembinaan.

Negara utama yang mengekspor barangan daripada buluh adalah China, India dan Taiwan.

Amerika Syarikat adalah negara pengimport barangan daripada buluh terbesar di dunia terutama untuk dijadikan sebagai lantai bangunan.

Bagaimanapun, potensi buluh masih belum dikembangkan sepenuhnya. Buktinya, barangan daripada buluh yang diekspor dari Malaysia dalam tempoh 10 tahun lalu purata hanya bernilai kira-kira RM350,000 setahun.

Buku berkenaan turut menjelaskan dua kaedah digunakan bagi memanjangkan hayat barangan daripada buluh sehingga 10 tahun dan mengelak daripada diserang kulat serta serangga.

Punca utama buluh mudah rosak kerana terdapat kandungan kanji dan gula dalam tumbuhan berkenaan.

Dua kaedah yang digunakan untuk membuang kandungan berkenaan adalah pertama, cara tradisional dengan merendam buluh di dalam air atau lumpur serta memanaskan dengan api.

Kaedah kedua, adalah menggunakan bahan kimia seperti *boraks* dan *sodium chloropentane*.

Di Malaysia terdapat 59 spesies buluh dengan 12 daripadanya berpotensi besar untuk dikomersialkan.

Buluh akar kebiasaannya digunakan untuk membuat bakul, almari dan pencucuk sate manakala buluh duri boleh dijadikan pagar, alat muzik dan acuan untuk bancuhan simen basah dalam industri pembinaan.

Sementara itu, ketika beberapa negeri di seluruh negara dilanda banjir besar beberapa tahun lalu,

pihak kerajaan tidak menggunakan sepenuhnya potensi buluh untuk membina jambatan sementara bagi menggantikan kemudahan asal daripada konkrit yang telah runtuh.

Menggunakan buluh adalah kaedah paling pantas dan murah sebagai jambatan khususnya membabitkan sungai yang tidak terlalu lebar.

Ini kerana buluh mempunyai kekuatan regangan yang menyamai keluli serta boleh dilenturkan tanpa mengurangkan keupayaannya.

Buluh turut digunakan untuk membina *chalet* di Sahom Valley Agro and Eco Resort, Kampar, Perak dan sebuah masjid menggunakan bahan itu juga telah dibina di Kuala Kangsar.

Langkah pemilik Ladang Teh Boh, Sungai Palas, Cameron Highlands, Pahang, mengguna-

kan buluh secara intensif pada bangunan di situ khususnya siling, dinding dan tandas harus dicontohi semua pihak.

Dalam buku ini, turut didedahkan inovasi dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang membolehkan buluh digunakan untuk menghasilkan kayu lapis.

Kayu lapis daripada buluh boleh digunakan untuk membuat pintu, kerusi dan meja.

Lebih banyak peruntukan seharusnya disalurkan kepada FRIM untuk melakukan penyelidikan bagi memastikan buluh boleh dijadikan eksport kayu negara yang utama.

Dana dan bantuan teknikal juga harus diberikan kepada 27 wira tidak didendang yang gambar dan nama mereka dipaparkan dalam buku berkenaan.

Mereka sebahagian daripada 70 individu yang telah menghabiskan kebanyakan masa untuk menghasilkan pelbagai barangan daripada buluh.

Sokongan kepada mereka akan membolehkan lebih banyak inovasi dibuat dan pada masa sama memastikan hutan di Malaysia tidak terus digondolkan untuk mendapatkan kayu balak.

Headline	Buluh penyelamat hutan Malaysia		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	r.iiiU'i pj2t-^ NIZAM Y.ATM	AdValue	RM 9,913
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,739

info

- > Judul: **Bamboo: From Traditional to Innovative Products**
- > Editor: **Mohamad Zaki ML dan Praveena BK**
- > Jumlah halaman: **118**
- > Tahun terbitan: **2016**
- > ISBN: **978-967-0622-63-7**
- > Penerbit: **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)**
- > Harga: **RM140**

